

OratisRx Sdn Bhd
No. 31, Jalan Tukul N15/N, Seksyen 15
2 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
T: 03-5522 8600
F: 03-5522 8715

27hb Mac 2019

SEMUA FARMASI KOMUNITI e-MASS DI NEGERI SABAH

SEMUA PEMBEKAL ALATAN PERUBATAN e-MASS DI NEGERI SABAH

ARAHAN PEMBERHENTIAN PEMBEKALAN UBATAN DAN ALATAN PERUBATAN MELALUI SISTEM e-MASS BAGI PESARA NEGERI SABAH

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas. Adalah dimaklumkan bahawa kami telah diarahkan melalui suatu surat rasmi dari JPANS bertarikh 21hb. Februari 2019 (diterima pada 25hb Mac 2019), untuk memberhentikan SEMUA pembekalan ubatan dan alatan perubatan melalui sistem e-MASS kepada pesara dan tanggungannya di Negeri Sabah berkuatkuasa pada 01hb. April 2019.

Untuk makluman kepada Pembekal Alatan Perubatan yang mana, Purchase Order (PO) telah dikeluarkan bagi tujuan pembekalan yang telah dijadualkan selepas 01hb April 2019 adalah terbatal dengan notis ini.

Sila ambil maklum bahawa, sebarang tuntutan untuk pembayaran balik bagi pembekalan selepas 01hb April 2019 adalah tidak sah dan bukan tanggungjawab syarikat OratisRx Sdn Bhd.

Oleh yang demikian, bagi memastikan kelancaran proses pembayaran balik, sila kemukakan semua tuntutan pembayaran kepada kami pada atau sebelum **15hb April 2019**. Sebarang tuntutan pembayaran balik yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan ataupun diproses untuk pembayaran.

Untuk sebarang pertanyaan berkenaan dengan pembekalan selepas 01hb April 2019, sila hubungi nombor dibawah.

Pesara Awam Negeri : 088-2616 1212 (Bahagian Saraan, JPANS)

Perihal tuntutan e-MASS : 03-5523 2540 (OratisRx)

Sekian. Terima kasih.

ORATISRX SDN BHD

Salinan Kepada:
Encik Honourous Raymond, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Saraan, JPANS